



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SABTU 25 JULAI 2020**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	ESTET IKAN TASIK MASJID AR-RAHMAN BAKAL JADI PROJEK PERINTIS DI KELANTAN, BERNAMA -ONLINE	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
2.	KETUA PENGARAH LPP PERLU DITUKAR, DIDAKWA GAGAL JALANKAN TUGAS – ISMAIL UMAR, MALAYSIA GAZETTE -ONLINE	LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP)
3.	3 TAN METRIK BERAS INDIA DIBAWA MASUK SECARA HARAM, SETEMPAT, HM -12	BAHAGIAN INDUSTRI PADI BERAS (IPB)
4.	DUA WARGA INDAH DALANG ‘SELUDUP’ BERAS KE MALAYSIA, HEAD TOPICS -ONLINE	
5.	THREE METRIC TONS OF RICE WERE SEIZED, NEWS, TAMIL MALAR -4	
6.	KERAJAAN SEDIA INISIATIF MENARIK BANTU BELIA MINAT CEBURI INDUSTRI PENTERNAKAN IKAN, UTUSAN BORNEO -ONLINE	LAIN-LAIN
7.	DUTCH LADY BUYS NEGRI LAND FOR RM56.7MIL TO EXPAND, STAR BIZ WEEK, THE STAR -5	

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/7/2020	BERNAMA	ONLINE	

Estet ikan Tasik Masjid Ar-Rahman bakal jadi projek perintis di Kelantan



KOTA BHARU, 25 Julai -- Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) melancarkan Estet Ikan di Tasik Masjid Ar-Rahman, Pulau Gajah di sini hari ini yang bakal menjadi perintis untuk projek Estet Ikan di Kelantan.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Datuk Che Abdullah Mat Nawi berkata projek julung kali yang dilancarkan di negeri ini melalui Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) amat penting bagi memastikan kelestarian peningkatan pengeluaran pertanian terutamanya ikan.

"Projek perintis ini adalah usaha bagi membanyakkan sumber ikan dalam negeri dan negara sekaligus bagi menampung keperluan masyarakat," katanya kepada pemberita selepas hadir melancarkan Projek Estet Ikan Tasik Masjid Ar-Rahman, Pulau

Gajah di sini hari ini yang turut dihadiri Pengarah Perikanan Kelantan Nazri Ishak, Ahli Dewan Undangan (ADUN) Chempaka Ahmad Fathan Mahmood dan Imam Masjid Ar-Rahman Hasan Mahmood.

Terdahulu, pada program yang sama beliau melepaskan 20,000 ekor benih ikan tilapia air payau dan 10,000 ekor benih ikan siakap ke dalam estet ikan berkenaan yang berkeluasan 3.5 hektar.

Che Abdullah berkata dalam tempoh ternakan selama lapan hingga 12 bulan, ia dijangka dapat menghasilkan 24 tan metrik ikan dengan nilai sekitar RM336,000.

Katanya projek estet ikan yang akan diselia oleh seramai 20 anggota komuniti dan ahli jawatankuasa masjid itu juga akan dijadikan sebagai produk agro-pelancongan dan memberi sumber pendapatan secara langsung kepada tabung Masjid Ar-Rahman.

"Setiap pengunjung yang mengunjungi masjid Ar-Rahman akan dibekalkan dengan makanan ikan rumusan (pellet) dengan harga RM2 sebungkus untuk memberi makan pada ikan yang terdapat dalam estet ikan ini.

"InsyaAllah, kejayaan pelaksanaan Estet Ikan Masjid Ar-Rahman ini akan menjadi perintis kepada penubuhan banyak lagi estet ikan di negeri ini, malah DOF juga sedang mengenal pasti beberapa kawasan lain yang berpotensi untuk dimajukan sebagai estet ikan di negeri ini," katanya.

-- BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/7/2020	MALAYSIA GAZETTE	ONLINE	

Ketua Pengarah LPP perlu ditukar, didakwa gagal jalankan tugas – Ismail Umar



KUALA LUMPUR – Pertubuhan Peladang Negeri (PPN) menggesa agar Ketua Pengarah Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Azulita Salim tidak lagi memegang jawatan berkenaan, sebaliknya ditukar dengan calon yang lebih layak.

Perkara tersebut didakwa disepakati oleh semua pengurus PPN selepas mengadakan pertemuan di ibu pejabat Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) hari ini untuk menyerahkan memorandum kepada Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Dr. Ronald Klandee.

Kumpulan itu menerusi Pengurus PPN Pulau Pinang, Datuk Ismail Umar mendakwa, Azulita menjadi punca kerosakan dan kegagalan yang berlaku dalam menyelia dan mentadbir Pertubuhan Peladang (PP), selain meminggirkkan idea, pandangan serta luahan yang disuarakan kepadanya.

"Tindakan LPP ini dilihat sangat prejudis dan tidak profesional kerana tidak berpandukan kepada fakta dan penggunaan peraturan yang jelas," katanya dalam kenyataan.

PPN dalam masa yang sama menggesa Kementerian Pertanian dan Industri Makanan memantau dan mengambil tindakan tegas dan wajar terhadap mana-mana pihak yang mengakibatkan kerugian ke atas PP.

Tindakan tersebut menurut Ismail, selaras dengan Akta Pertubuhan Peladang 1973 bagi memastikan PP sentiasa telus dan berintegriti sekaligus dapat membela nasib hampir satu juta ahli yang bernaung dibawahnya.

"Kuasa dan tekanan oleh Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) ke atas PP keterlaluan sehingga mengongkong dan merencangkan perjalanan Pertubuhan Peladang," katanya.

Gesaan berkenaan merupakan antara cadangan yang terkandung dalam Memorandum PPN mewakili ahli peladang Malaysia kepada Ronald.

Ismail berharap kementerian itu dapat memberikan autonomi kepada PP bagi menjalankan perniagaan memandangkan struktur dan undang-undang sedia ada terikat dengan arahan-arahan Pendaftar yang tidak lagi relevan dengan persekitaran ekonomi dan perniagaan semasa.

Tambahnya, arahan Pendaftar PP Bilangan 1/2019 yang berkaitan dengan pindaan Perlembagaan perlu dimansuhkan agar tiada lagi campur tangan politik dan mengembalikan kuasa memilih dalam kalangan ahli-ahli peladang.

Selain itu katanya, beberapa isu berkait urus tadbir di LPP juga perlu ditransformasikan daripada segi pengurusan, pentadbiran dan hal ehwal berkaitan kakitangannya.

"Terdapat kenaikan pangkat di kalangan pegawai-pegawai LPP yang dilaksanakan sebelum kemasukan Pengurus LPP yang baharu berdasarkan sifat pilih kasih dalam Kumpulan Pengurusan LPP sekaligus memberi kesan kepada prestasi PPN dan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) yang diuruskan oleh pegawai LPP yang dipinjamkan.

"Ada juga rungutan dan keluhan daripada kakitangan dalam LPP sendiri mengenai suasana dalam LPP yang dilihat sangat kritis akibat ketamakan kuasa dan percaturan politik di peringkat pengurusan serta tersasar dari matlamat dan polisi LPP itu sendiri," katanya.

Dalam perkembangan lain, memorandum kepada kementerian itu turut meminta supaya menyemak semula tindakan penggantungan Nafas yang telah mencemarkan dan mencalarkan imej serta kredibiliti melibatkan Ahli Jemaah Pengarah, pengurusan dan perniagaan secara keseluruhan.

"Nafas mencatat keuntungan secara konsisten mulai tahun 2007 hingga 2017 namun mencatatkan kerugian besar secara keseluruhan berjumlah RM23,224,188 pada tahun 2018 walaupun menjalankan aktiviti dan perniagaan yang sama.

"Adalah sangat mendukacitakan apabila kerugian ini dicatatkan oleh Nafas atas kelemahan dan kecuaian lapan orang pegawai LPP yang mentadbir Nafas pada masa itu," katanya. – MalaysiaGazette

Headline	3 tan metrik beras India dibawa masuk secara haram		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	25 Jul 2020	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	112,705
Page No	12	Readership	338,115
Language	Malay	ArticleSize	269 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 10,597
Frequency	Daily	PR Value	RM 31,791



AZMAN menunjukkan antara beras import dari India yang dibawa masuk secara haram.

3 tan metrik beras India dibawa masuk secara haram

Kuala Lumpur: Mereka berstatus pemastautin tetap di negara ini namun dua individu berasal dari India dikesan menjadi dalang membuaya masuk beras secara tidak sah ke pasaran tempatan.

Perkara itu terbongkar selepas Operasi *Smuggle* yang masuk hari ketiga kelmarin menggesa pemilik premis yang menjual beras super import dari India.

Dalam serbuan di Georgetown Pulau Pinang kelmarin, penguat kuasa Kawalselia Padi dan Beras, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Maf) merampas lebih ti-

ga tan metrik beras yang dibawa masuk secara mencurigakan.

Ketua Pengarah Pengawalaan Padi dan Beras Azman Mahmood berkata, hasil periksaan pihaknya mendapat, pemilik berkenaan tidak mempunyai lesen pemborong seperti ditetapkan dan menyalah Akta Kawalaan Padi dan Beras (Akta 552).

Katanya, pemeriksaan turut mendapati, 1,46 gumi beras berkenaan tidak mempunyai pengesahan import daripada Bernas dan ia sudah beroperasi sejak beberapa tahun lalu.

"Sejak siri Op Smuggle ini,

kita dapat banyak pelanggaran dilakukan pemborong untuk menguntungkan mudah.

"Ia salah dari segi peraturan kerana mereka juga dikesan membawa masuk beras bersama peralatan sembahyang untuk mengelak ditahan.

"Beras ini pula diedarkan di premis makanan serta rumah ibudat. Ini adalah satu kesalahan," katanya.

Azman berkata, dalam serbuan serentak di Kinta-batangan Sabah, pihaknya turut merampas 1,5 tan metrik beras yang juga dibawa masuk secara mencurigakan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/7/2020	HEAD TOPICS	ONLINE	

Dua warga India dalang 'seludup' beras ke Malaysia



MEREKA berstatus pemastautin tetap di negara ini, namun dua individu berasal dari India dikesan menjadi dalang membawa masuk beras secara tidak sah ke pasaran tempatan.

Georgetown Dalam serbuan di **Georgetown** Pulau Pinang semalam, penguatkuasa Kawalselia Padi dan Beras, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi) merampas lebih tiga tan metrik beras yang dibawa masuk secara mencurigakan.

MEREKA berstatus pemastautin tetap di negara ini, namun dua individu berasal dari India dikesan menjadi dalang membawa masuk beras secara tidak sah ke pasaran tempatan.

Dalam serbuan di Georgetown Pulau Pinang semalam, penguatkuasa Kawalselia Padi dan Beras, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi) merampas lebih tiga tan metrik beras yang dibawa masuk secara mencurigakan. Ketua Pengarah Pengawalan Padi dan Beras Azman Mahmood berkata, hasil pemeriksaan pihaknya mendapati, pemilik berkenaan tidak mempunyai lesen pemborong seperti ditetapkan dan menyalahi Akta Kawalan Padi dan Beras (Akta 552).

Katanya, pemeriksaan turut mendapati, 146 guni beras berkenaan tidak mempunyai pengesahan import daripada Bernas dan ia sudah beroperasi sejak beberapa tahun lalu. "Sejak siri Op Smuggle ini, kita dapat banyak pelanggaran dilakukan pemborong untuk mengaut keuntungan mudah.

"Ia salah dari segi peraturan kerana mereka juga dikesan membawa masuk beras bersama peralatan sembahyang untuk mengelak ditahan. "Beras ini pula diedarkan di premis makanan serta rumah ibadat. Ini adalah satu kesalahan," katanya kepada Harian Metro.

Azman berkata, dalam serbuan serentak di Kinabatangan Sabah, pihaknya turut merampas 1.5 tan metrik beras yang juga dibawa masuk secara mencurigakan. Katanya, ia adalah satu kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan Kawalan Padi Dan Beras (Pelesenan Pemborong dan Peruncit) 1996.

"Kebelakangan ini kita terima aduan mengenai kegiatan seperti ini. Saya nak ingatkan kepada pemborong supaya gunakan lesen dengan sebaiknya bagi mengelak tindakan tegas daripada kementerian. "Kita akan terus menggempur mereka ini yang jelas melakukan kesalahan, tidak ada kompromi," katanya.

Headline	Three metric tons of rice were seized		
MediaTitle	Tamil Malar		
Date	25 Jul 2020	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	22,000
Page No	4	Readership	180,000
Language	Tamil	ArticleSize	179 cm ²
Journalist	NULL	AdValue	RM 920
Frequency	Daily	PR Value	RM 2,760



3 டன் அரிசி முடக்கப்பட்டு சீல் வைக்கப்பட்டது



வா ஆலம், ஜூலை 25-

2 வெவ்வேறு இடங்களில் மேற்கொள்ளப்பட்ட நடவடிக்கைகள் மூலம் 22,000 வெள்ளி மதிப்பிலான 3 மெட்ரிக் டன் அரிசியை விவசாயம் மற்றும் உணவு தொழில்துறை அமைச்சு சீல் வைத்துள்ளது.

தகவல் கிடைத்தத்தைத் தொடர்ந்து கோலாலம்பூரிலும் கிள்ளானி லூம் உள்ள 2 கட்டடங்களில் சோதனைகள் மேற்கொள்ளப்பட்டன என்று அமைச்சின் பேச்சாளர் அஸ்மான் மஹ்முட் கூறினார்.

முதலாவது நடவடிக்கையின் போது கோலாலம்பூரில் உள்ள ஒரு கட்டடத்தில் சோதனை மேற்கொள்ளப்பட்டது. இந்த

சோதனையின் போது 925 கிலோ கிராம் எடையிலான அரிசி முட்டைகள் மீது சீல் வைக்கப்பட்டது. இதைத் தொடர்ந்து கிள்ளானில் மேற்கொள்ளப்பட்ட சோதனையின் போது 950 கிலோ கிராம் எடையிலான அரிசி முட்டைகள் மீது சீல் வைக்கப்பட்டது.

அங்கு சந்தேகத்திற்குரிய வகையில் நிறுத்தி வைக்கப்பட்டிருந்த ஒரு லோரியை சோதனை செய்த அதிகாரிகள், அதில் 900 கிலோ கிராம் எடையிலான அரிசி இருந்ததைக் கண்டு பிடித்தனர். மேல் விசாரணைக்காக இந்த லோரியின் மீது சீல் வைக்கப்பட்டுள்ளது.

சட்டவிரோதமாக செயல்படுபவர்களிடம் இருந்து அரிசியை கொள்முதல் செய்ய வேண்டாம் என்று அஸ்மான் மொத்த வியாபாரிகளைக் கேட்டுக் கொண்டுள்ளார்.

நாட்டின் ஓரே இறக்குமதி யாளரான பெர்னாஸிடம் இருந்து அரிசியை கொள்முதல் செய்து கொள்ளலாம் என்று அவர் தெரிவித்தார்.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/7/2020	UTUSAN BORNEO	ONLINE	

Kerajaan sedia inisiatif menarik bantu belia minat ceburi industri penternakan ikan



SERAH: Shafie (tiga kanan) menyampaikan bantuan kepada petani kawasan daerah Tuaran sambil disaksikan tetamu kehormat lain.

TUARAN: Golongan belia yang berminat dalam industri penternakan ikan persisir pantai akan dibantu oleh kerajaan Sabah dengan pelbagai inisiatif menarik.

Ketua Menteri Datuk Seri Mohd Shafie Apdal berkata, kerajaan Sabah akan menyediakan permohonan tanah Secara Lesen Pendudukan Sementara (TOL) kepada para belia untuk memulakan penternakan ikan di persisiran pantai di seluruh negeri.

"Kita sudah mengenal pasti beberapa daerah persisiran pantai yang terbiasa di seluruh Sabah, kawasan berkewangan sesuai dibangunkan untuk sektor ini.

"Selain kita memberikan TOL, kita juga akan menyediakan benih ikan bermutu tinggi, ikan ini mempunyai daya persaingan tinggi dalam pasaran tempatan serta antarabangsa.

"Kita juga sediakan sangkar ikan kepada belia yang tidak berkemampuan, di Sungai Laya-Laya di sini contohnya, terdapat 40 lot kawasan dan saya mahu pastikan nelayan Tuaran terlibat dalam penternakan ikan di sini," katanya dalam sidang media sempena Program Ramah Mesra Bersama Pekebun Kecil Getah Tuaran, di sini, semalam.

Beliau berkata, langkah seumpamanya turut dilaksanakan dalam industri pertanian yang mana para petani khususnya golongan belia digalakkan melibatkan diri dalam penanaman sayur-sayuran atau buah-buahan berkualiti tinggi untuk pasaran tempatan dan luar negara.

Katanya, usaha seumpamanya mampu menjamin keselamatan makanan untuk keperluan masyarakat negeri ini dan eksport ke luar negara.

Dalam pada itu, Shafie menjelaskan terdapat satu lagi kilang minyak masak akan dibina di Keningau dan dijangka akan dilancarkan pada bulan depan.

Katanya, ia merupakan kilang ketiga minyak masak diwujudkan selepas Tawau dan Sandakan. Kilang berkenaan akan mampu memberikan peluang pekerjaan kepada masyarakat setempat selain mampu menjana sumber pendapatan kepada petani kelapa sawit serta peniaga kecil yang boleh menjual minyak berkenaan.

Selain itu, Shafie yang juga Menteri Kewangan berkata, kerajaan akan pastikan agar industri hiliran dalam komoditi getah di Sabah diwujudkan.

"Kita perlu menerokai industri hiliran getah, pastikan produk dihasilkan bertahan lama atau mampan dengan mempunyai permintaan serta harga yang berpatutan.

"Keadaan ini sekaligus akan mengalakkan penanaman getah dalam kalangan penduduk setempat, saya percaya produk komuniti ini boleh mampan tetapi perlu diwujudkan industri hilirannya dahulu," katanya.

Selain itu katanya, kerajaan Sabah sebelum ini sudah mengenal pasti daerah Beaufort sebagai kawasan mewujudkan kilang tayar, bagaimanapun usaha itu terbantut akibat pandemik COVID-19.

Beliau juga menasihatkan para ahli politik agar utamakan kehidupan rakyat dan jangan banyak berpolitik.

"Kekayaan sumber alam negeri ini bukan untuk dimiliki kerajaan atau pemimpin semata-mata tetapi ia perlu memberikan keuntungan kepada rakyat.

"Penting kepada kita agar kepentingan rakyat sentiasa diutamakan," katanya.

Hadir sama dalam majlis itu ialah Timbalan Ketua Menteri merangkap Ahli Parlimen Tuaran Datuk Seri Wilfred Madius Tangau, Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Junz Wong serta tetamu kehormat yang lain.

Headline	Dutch Lady buys Negri land for RM56.7mil to expand		
MediaTitle	The Star	Color	Black/white
Date	25 Jul 2020	Circulation	175,986
Section	Star BizWeek	Readership	527,958
Page No	5	ArticleSize	157 cm ²
Language	English	AdValue	RM 3,768
Journalist	N/A	PR Value	RM 11,304
Frequency	Daily		



Dutch Lady buys Negri land for RM56.7mil to expand

PETALING JAYA: Dutch Lady Milk Industries Bhd (DLMI) has announced the expansion of its manufacturing capabilities with the acquisition of 32.59 acres of industrial land in Bandar Baru Enstek, Negri Sembilan for RM56.79mil, which it aims to complete by this year.

DLMI managing director Tarang Gupta said the company was still in the process of purchasing land in Negri Sembilan for its future manufacturing facility as preparation to play a greater role in supporting the government's food security measures which were impacted by the Covid-19 pandemic.

"The new facilities located in a HALMAS technology park are expected to be advan-

tageous for the company's long-term expansion plans in Malaysia as well as for future corporate earnings.

"This is part of our ongoing plans to ensure sustainable growth in all our business activities and the land acquisition is a key step towards realising our goals and is expected to help propel the local dairy and halal industries which are key to food securitisation," he said in a statement yesterday.

Meanwhile, DLMI is a strong partner of the government's efforts through the Dairy Development Programme and Farmer2Farmer Programme, where expert Dutch dairy farmers were specially flown from the Netherlands to transfer skills and

knowledge to the local dairy farmers to improve the quality and quantity of local raw milk.

"Partnering the Ministry of Agriculture and Food Industry and the Department of Veterinary Services (DVS) are some good examples of DLMI's commitment towards developing the local dairy industry and re-investing into the economy.

"So far, a total of 15 FrieslandCampina Dutch member farmers have trained 466 farmers on farming practices, and by doing so, the Farmer2Farmer Programme was able to improve the productivity and livelihoods of local farmers as well as the quality and volume of local milk production," he said. — Bernaina